

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SITUASI HARGA DAN BEKALAN MINYAK MASAK DI PASARAN ADALAH TERKAWAL

PUTRAJAYA, 24 April 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ingin menjelaskan beberapa perkara berhubung minyak masak yang diperkatakan ketika ini.

DASAR KERAJAAN : SUBSIDI MINYAK MASAK UNTUK BUNGKUSAN POLIBEG 1 KG SAHAJA.

2. Kerajaan melalui KPDNHEP telah mengadakan Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak (COSS) dengan memberikan subsidi kepada minyak masak dalam bungkusan polibeg 1kg sahaja.
3. Tujuan pihak Kerajaan mengekalkan pemberian subsidi bagi minyak masak dalam polibeg 1kg adalah untuk memastikan rakyat masih boleh mendapatkan bekalan minyak masak untuk kegunaan isi rumah dengan harga yang mampu milik iaitu RM2.50 1kg.
4. Pengekalan pemberian subsidi bagi minyak masak dalam polibeg 1kg, adalah untuk memberikan pilihan yang lebih ekonomi kepada pengguna dalam mendapatkan bekalan minyak masak kegunaan isi rumah di pasaran. Pada masa yang sama, penjualan minyak masak kegunaan isi rumah dalam

pembungkusan jenis botol juga dijual di pasaran untuk memberikan pilihan kepada pengguna.

BEKALAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI POLIBEG 1KG STABIL DAN CUKUP

5. Sebanyak 60,000 metrik tan (mt) sebulan (atau 720,000 mt setahun) minyak masak 1 kg bersubsidi telah diedarkan di seluruh Negara termasuk di kawasan luar bandar. Jumlah pengeluaran dan pengedaran ini adalah mencukupi bagi kegunaan 32.7 juta orang rakyat Malaysia. Tindakan ini, memberikan keseimbangan pasaran harga minyak masak dalam Negara. Pengguna boleh menikmati harga minyak masak mampu milik untuk pilihan minyak masak bungkus polibeg 1kg pada harga RM 2.50 sahaja.

STRATEGI PENGUATKUASAAN KPDNHEP MENSTABILKAN HARGA DAN BEKALAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI.

6. KPDNHEP telah melaksanakan OPS GORENG 3.0 yang bertujuan membanteras ketirisan minyak masak di peringkat pengilang dan pembungkus minyak masak. OPS GORENG 3.0 amat berkesan bagi memastikan keberadaan bekalan minyak masak 1 kg bersubsidi di pasaran dan dinikmati oleh rakyat Malaysia.

7. OPS GORENG 3.0 melibatkan pemantauan ke atas pengilang dan syarikat pembungkus minyak dengan mengadakan pengauditan di setiap rantai bekalan minyak masak serta menjalankan pemeriksaan harian di peruncit, pemborong dan pasaraya.

8. Pelaksanaan di bawah OPS GORENG 3.0 telah memberikan impak yang positif kepada pemegang taruh, khususnya rakyat yang merupakan

sasaran utama yang perlu menikmati bekalan dan harga minyak masak 1 kg bersubsidi dapat dinikmati oleh 32.7 juta penduduk Negara.

KERELEVENAN DASAR KERAJAAN BERI SUBSIDI MINYAK MASAK POLIBEG 1 KG

9. Dasar Kerajaan melalui Program Skim Rasionalisasi Harga Minyak Masak dengan hanya memberikan subsidi kepada minyak masak dalam bungkusan polibeg 1kg sahaja adalah relevan dengan kiraan nisbah penggunaan minyak masak bagi tujuan kegunaan isi rumah : 1 penduduk = 1.5 kg untuk kegunaan sebulan. Ini menunjukkan setiap penduduk (termasuk kanak-kanak) dalam Negara dapat menikmati pemberian minyak masak subsidi Kerajaan.

PILIHAN YANG ADA DI PASARAN UNTUK PEMBELIAN BEKALAN MINYAK MASAK

10. Realistiknya, selain minyak masak polibeg 1 kg, minyak masak di pasaran yang dibotolkan juga ada dijual di pasaran. Situasi ini memberikan pilihan kepada pengguna untuk membuat pilihan dan membeli mengikut selera dan kuasa membeli pengguna sendiri.

11. Pada masa kini, terdapat beberapa saiz minyak masak botol iaitu saiz 1 kg, 2 kg, 3 kg dan 5 kg. Pengguna bebas membuat pilihan untuk membeli minyak masak botol dalam mana-mana jumlah kg yang ada dijual di pasaran. Pengguna juga bebas memilih minyak masak botol yang dijual dengan pelbagai variasi harga dan nilai tambah (*value added*) dimasukkan dalam kandungan minyak masak yang dibotolkan untuk tujuan memberikan kelainan rasa dalam masakan.

KERAJAAN TIDAK MENGAWAL DAN MENETAPKAN HARGA RUNCIT MINYAK MASAK BOTOL.

12. Penting diketahui, **minyak masak botol tidak diberikan subsidi dan akan dijual mengikut harga pasaran berdasarkan mekanisme pengapungan harga**. Oleh yang demikian, harga bagi minyak masak botol adalah tidak tetap dan berubah-berubah mengikut harga pasaran semasa. Harga pasaran minyak masak adalah ditentukan oleh harga Minyak Sawit Mentah dunia dan lain-lain kos yang menyumbang kepada penentuan harga runcit minyak masak botol. Contohnya kos operasi, kos bahan mentah (minyak masak mentah) dan kos pembungkusan (kos botol atau plastik adalah berbeza).

PERANAN KPDNHEP TERHADAP SITUASI HARGA RUNCIT MINYAK MASAK BOTOL DI PASARAN

13. Kementerian memandang serius situasi harga barang keperluan pengguna yang tidak terkawal, termasuk minyak masak botol di pasaran kerana ianya penyumbang kepada kenaikan kos sara hidup rakyat.

14. Kenaikan harga barang yang terlalui tinggi atau tidak terkawal adalah asas kepada suatu tindakan pemeriksaan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ianya tidak semestinya mencatut. Analisis pencatutan akan dilaksanakan setelah maklum balas notis diterima daripada peniaga. Sebarang kenaikan yang dibuat tanpa mematuhi perundangan pencatutan adalah mencatut dan boleh dikenakan tindakan di bawah AKHAP 2011. Ketetapan tindakan terhadap kenaikan harga barang terlalu tinggi ini, juga terpakai kepada minyak masak botol yang ada di pasaran.

15. Justeru itulah, KPDNHEP boleh melaksanakan tindakan berhubung harga minyak masak di bawah perundangan Akta Kawalan Harga dan

Antipencatutan (AKHAP) 2011 melalui perundangan pencatutan. Peniaga boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan sekiranya sabit kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000.00 sekiranya suatu perbadanan/syarikat dan bagi bukan perbadanan/ individu boleh dikenakan denda sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

HARGA RUNCIT MINYAK MASAK BOTOL DITENTUKAN OLEH PASARAN IAITU PERMINTAAN DAN PENAWARAN DAN HARGA MINYAK MENTAH DUNIA

16. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Pandemik COVID-19 yang berlaku sejak Disember 2019 bukan sahaja telah memberi impak kepada ekonomi negara kita, malah turut menjelaskan ekonomi di seluruh dunia. Berdasarkan data dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), harga minyak sawit mentah mengalami kejatuhan yang ketara bermula pada bulan Februari 2020 hingga Mei 2020. Namun, harga minyak mentah dunia kembali meningkat bermula pada Jun 2020 iaitu dari dalam lingkungan RM1,000.00 lebih mt dan kini melepas RM4,000.00 mt.

17. Berikut adalah jadual yang menunjukkan trend harga minyak mentah dunia :

Harga Minyak Mentah Dunia (m/t)
RM 1,711 (November 2018)
RM 1,866 (Mac 2019)
RM RM 3,025 (Oktober 2019)
RM 3,835 (Disember 2020)
RM 4,153 (April 2021)
semasa

18. Berdasarkan jadual tersebut, jelas menunjukkan harga minyak mentah dunia menunjukkan trend meningkat sejak 2018 dan pada akhir Disember 2020, harga minyak mentah dunia menunjukkan peningkatan sehingga mencecah RM 3,835 m/t. Kini, tahun 2021, minyak mentah dunia semakin agresif menunjukkan peningkatan sehingga mencapai RM 4,153 m/t dan peningkatan harga minyak mentah dunia boleh memberi kesan kepada harga runcit minyak masak botol.

19. Wajar dan munasabah situasi perubahan harga minyak mentah dunia ini memberi kesan kepada perubahan harga runcit minyak masak botol yang dijual di pasaran. Justeru itu, rakyat perlu memahami senario yang berlaku dalam menentukan perubahan harga pada barang keperluan seperti minyak masak botol.

20. Berdasarkan rekod pemantauan harga KPDNHEP, berikut adalah variasi harga minyak masak botol (jenis tulen) dijual di pasaran secara semasa, sepanjang Bulan April 2021 :

Minyak Masak Tulen (5 kg)	Minyak Masak Tulen (5 kg)
Harga Runcit Minima (Nasional)	Harga Runcit Maksimum (Nasional)
21.50 - RM 23.50	RM 30.00
Secara umumnya, harga terendah dijual di pasaran ialah RM 21.50 dan harga tertinggi ialah RM 30.00	

Berdasarkan jadual tersebut, jelas menunjukkan bekalan minyak masak jenis tulen botol 5 kg pada harga jual di antara RM 21.50 sehingga RM 30.00 ada di pasaran. Pengguna ada pilihan harga di antara RM 21.50 sehingga RM 30.00 .

Untuk makluman, harga runcit minyak masak campuran jauh lebih tinggi berbanding minyak masak sawit tulen. Minyak masak campuran mempunyai penambahan kos tambahan yang juga mempengaruhi harga jual minyak

masak. Sebagai contoh, minyak masak 5 kg jenis campuran minyak kacang bagi menaikkan aroma dan rasa, penambahan minyak kacang adalah melibatkan kos minyak kacang. Pilihan ada di tangan pengguna untuk membeli minyak masak botol jenis tulen atau campuran dengan harga runcit yang dijual.

21. Berdasarkan rekod aduan berhubung minyak masak botol telah menunjukkan penurunan aduan minyak masak botol dijual pada harga tinggi. Sejak Januari 2021, 16 aduan diterima , kemudian telah menurun pada bulan Februari 2021 iaitu hanya 3 aduan. Pada Mac 2021 sejumlah 5 aduan sahaja diterima, masih jumlah yang kecil dan bagi April 2021 tiada sebarang aduan diterima tentang harga tinggi untuk minyak masak botol. Ini seiring dengan data kutipan harga minyak masak (jenis tulen) botol 5 kg yang menunjukkan harga terendah ada dijual di pasaran hanya pada RM 21.50 dan tertinggi RM 30.00 .

22. Sehubungan itu, sebagai Kerajaan yang prihatin, program pemberian subsidi terhadap minyak masak dalam polibeg 1 kg tetap diteruskan bagi memastikan rakyat terus dapat menikmati bekalan minyak masak untuk kegunaan isi rumah pada harga mampu milik iaitu RM 2.50 1kg. Pengguna diberi pilihan untuk memilih minyak masak bersubsidi 1 kg yang juga berkualiti, atau memilih minyak masak botol yang ada dijual dalam pelbagai berat dan harga.

23. Pengguna boleh menyalurkan maklumat aduan berkaitan salahlaku peniaga yang melanggar undang-undang di bawah bidang kuasa KPDNHEP secara rasmi melalui saluran aduan yang disediakan oleh pihak Kementerian seperti berikut :

- i. Portal e-aduan.kpdnhep
- ii. Call Centre 1-800-886-800
- iii. Emel e-aduan@kpdnhep.gov.my

- iv. Ez ADU KPDNHEP
- v. Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6088/6245
- vi. Whatsapp 019-279 4317

#####

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi

Menteri Perdagangan Dalam Negeri

Dan Hal Ehwal Pengguna

24 April 2021

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :



PERSAMAAN HAKK MELAKU PADA MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION



SURUHANJAYA PERUSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION